

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK SAPAWI BIN
AHMAD WASALI
[SIPITANG]**

TARIKH : 10.06.2015 (RABU)

NO. SOALAN : 9

Minta MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH menyatakan berapa banyak Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) yang sudah diwujudkan di seluruh Negara dan apakah ada cadangan untuk memperbanyakkan pusat RTC di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Sehingga Mei 2015, terdapat lapan (8) buah RTC yang telah diwujudkan di seluruh negara iaitu RTC Perak, Kelantan, Melaka, Pahang, Johor, Kedah, Terengganu dan Sarawak. Bagi Negeri Sabah dan Sarawak, kedua-dua negeri ini diperuntukkan dua (2) buah RTC bagi setiap negeri.

Bagi Negeri Sarawak, RTC pertama adalah di Pasar Awam Bekenu, Miri manakala cadangan lokasi kedua RTC adalah di Betong dan masih dalam peringkat kajian awal.

Bagi Negeri Sabah, Kerajaan negeri telah selesai membuat penilaian ke atas sembilan (9) cadangan lokasi dan sedang dalam proses untuk memuktamadkan dua (2) lokasi untuk dijadikan RTC.